



27 Mei 2016  
27 May 2016  
P.U. (A) 146

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN KEBERSIHAN MAKANAN (PINDAAN) 2016

### *FOOD HYGIENE (AMENDMENT) REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KEBERSIHAN MAKANAN (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan (Pindaan) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2016.

**Pindaan peraturan 51**

2. Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 [*P.U. (A) 95/2009*] dipinda dalam peraturan 51—

(a) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Mana-mana orang yang menjual susu mentah untuk dimakan terus oleh manusia hendaklah mengenakan perlakuan haba kepada susu itu—

(a) dengan mengekalkannya pada suhu yang tidak kurang 100°C sekurang-kurangnya selama tiga minit;

(b) dengan mengekalkannya pada suhu yang tidak kurang daripada 135°C sekurang-kurangnya selama dua saat;